

**Majlis Peguam adakan EGM perhimpunan BERSIH 3.0**  
**MalaysiaKini.com**  
**May 04, 2012**

Majlis Peguam akan mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan perhimpunan BERSIH 3.0 Sabtu lalu.

Menurut surat pekeliling rasmi yang disiarkan di lamanwebnya, EGM itu akan diadakan Jumaat depan di sebuah hotel di Kuala Lumpur.

bersih 3 rally 020512 j001Agendanya ialah membincangkan usul Pengerusi Majlis Peguam, Lim Chee Wee berhubung dengan peristiwa dan sekitar perhimpunan awam pada 28 April 2012 anjuran BERSIH 3.0, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tiada maklumat lanjut dinyatakan dalam pekeliling tersebut.

EGM itu memerlukan kuorum 500 orang.

Majlis Peguam telah menugaskan pasukan pemantauan 78 anggota semasa perhimpunan tersebut dan kemudiannya mengeluarkan laporan interim pada hari Selasa.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malysiakini.com/news/196961>